

DOSA BESAR – MENINGGALKAN SOLAT

Allah berfirman, bermaksud:

"Maka datanglah sesudah mereka, pengganti (yang jelek) yang mensia-siakan sembahyang dan menurut hawa nafsunya, maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka), kecuali orang-orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh". (Surah Maryam, Ayat 59-60)

Ibnu Abbas berkata, "Makna mensia-siakan sembahyang bukanlah meninggalkannya sama sekali. tetapi mengakhirkannya dari waktu yang seharusnya". [1]

Imam para tabi'in, Said bin Musayyab berkata, "Maksudnya adalah orang itu tidak mengerjakan sembahyang Zohor sehingga datang waktu Asar. Tidak mengerjakan sembahyang Asar sehingga datang Maghrib. Tidak sembahyang Maghrib sampai datang Isya'. Tidak sembahyang Isya' sampai fajar menjelang. Tidak sembahyang Subuh sampai matahari terbit. Barangsiapa mati dalam keadaan terus-menerus melakukan hal ini dan tidak bertaubat, Allah menjanjikan baginya 'Ghayy', iaitu lembah di neraka Jahannam yang sangat dalam dasarnya dan amat dahsyat siksaannya".

Di tempat yang lain Allah berfirman, bermaksud:

"Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang sembahyang, (iaitu) orang-orang yang lalai dari menyempurnakan sembahyangnya". (Surah Al-Ma'un, Ayat 4 & 5)

Orang-orang yang lupa akan sembahyangnya ialah orang-orang yang lalai dan meremehkan sembahyang.

Sa'ad bin Abi Waqqash berkata, "Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang orang-orang yang lupa akan sembahyangnya. Baginda menjawab, iaitu melewatkannya sehingga akhir waktunya". [2]

Mereka disebut orang-orang yang sembahyang. Namun ketika mereka meremehkan dan mengakhirkannya dari waktu yang seharusnya, mereka diancam dengan "wail", azab yang berat. Ada juga yang mengatakan bahawa "wail" adalah sebuah lembah di neraka jahannam, jika gunung-gunung yang ada di dunia ini dimasukkan ke sana niscaya akan hancur luluhlah semuanya kerana sangat panas. Itulah tempat bagi orang-orang yang meremehkan sembahyang dan mengakhirkannya dari waktunya. Kecuali orang-orang yang bertaubat kepada Allah ta'ala dan menyesal atas kelalaiannya.

Dalam ayat yang lain Allah berfirman, bermaksud, "Hai orang-orang yang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barang siapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi". (Al-Munafiqun, Ayat 9)

Para ahli tafsir menjelaskan, "Maksud "mengingat Allah" dalam ayat ini adalah sembahyang lima waktu. Maka barangsiapa disibukkan oleh harta perniagaannya, kehidupan dunianya, sawah ladangnya, dan anak-anaknya dari mengerjakan sembahyang dalam waktunya, maka ia termasuk orang-orang yang rugi". Nabi s.a.w telah bersabda, bermaksud:

"Amal yang pertama kali dihisab pada hari kiamat dari seorang hamba adalah sembahyangnya. Jika sembahyangnya baik maka dia telah berjaya dan beruntung, sebaliknya jika rosak, sesungguhnya dia telah gagal dan rugi". [3]

Berkenaan dengan penghuni neraka, Allah berfirman, maksudnya, "Apakah yang memasukkan kamu ke dalam Saqar (neraka)?". Mereka menjawab: "Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan sembahyang, dan kami tidak (pula) memberi makan orang miskin, dan kami membicarakan yang batil bersama dengan orang-orang yang membicarakannya, dan adalah kami mendustakan hari pembalasan, hingga datang kepada kami kematian". Maka tidak berguna lagi bagi mereka syafa'at pertolongan (kalaulah ditakdirkan ada) sesiapa yang boleh memberikan syafaat itu". (Surah Al-Muddatsir, Ayat 42 & 48)

Nabi s.a.w bersabda, bermaksud,

“Sesungguhnya ikatan (pembeza) antara kita dengan mereka adalah sembahyang. Barangsiapa meninggalkannya, maka telah kafirlah ia”. [4]

Baginda s.a.w juga bersabda:

“Batas antara seorang hamba dengan kekafiran adalah meninggalkan sembahyang”. [5]

Rasulullah s.a.w juga bersabda:

“Barangsiapa tidak mengerjakan sembahyang `Asar, terhapuslah amalannya”. [6]

Juga, “Barangsiapa meninggalkan sembahyang dengan sengaja, sesungguhnya telah terlepaslah jaminan dari Allah”. [7]

Juga, “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sampai mereka mengucapkan ‘Laa ilaaha illallah’ (Tiada yang berhak disembah selain Allah) dan mengerjakan sembahyang serta membayar zakat. Jika mereka telah menunaikannya maka darah dan hartanya aku lindungi kecuali dengan haknya. Adapun hisabnya maka itu kepada Allah”. [8]

Rasulullah s.a.w bersabda:

“Barangsiapa menjaganya maka ia akan memiliki cahaya, bukti dan keselamatan pada hari kiamat nanti. Sedangkan yang tidak menjaganya maka tidak akan memiliki cahaya, bukti dan keselamatan pada hari itu. Pada hari itu ia akan dikumpulkan bersama Fir’aun, Qarun, Haman, dan Ubay bin Khalaf”. [9]

Umar bin Khattab r.a. berkata, “Sesungguhnya tidak ada tempat dalam Islam bagi yang mensia-siakan sembahyang”. [10]

Sebahagian ulama’ berkata, “Bahawa orang yang meninggalkan sembahyang dikumpulkan dengan empat orang itu kerana dia telah menyibukkan diri dengan harta, kekuasaan, pangkat dan kedudukan dan perniagaannya dari sembahyang. Jika dia disibukkan dengan kekuasaannya dia akan dikumpulkan dengan Fir’aun. Jika dia disibukkan dengan pangkat dan kedudukannya dia akan dikumpulkan dengan Haman. Dan jika dia disibukkan dengan perniagaannya akan dikumpulkan bersama Ubay Bin Khalaf, seorang yang kafir di Mekah pada masa itu”.

Mu’az Bin Jabal meriwayatkan Rasulullah s.a.w bersabda:

“Barangsiapa meninggalkan sembahyang fardhu dengan sengaja, telah lepas darinya jaminan dari Allah”. [11]

Umar bin Khattab r.a meriwayatkan, seseorang bertanya kepada Rasulullah, “Wahai Rasulullah, apakah amalan yang paling dicintai oleh Allah ta’ala?”. Baginda menjawab, “Sembahyang pada waktunya. Barangsiapa meninggalkannya sungguh ia tidak lagi memiliki agama lagi, dan sembahyang itu tiang agama”. [12]

Semasa Umar r.a. terluka akibat tikaman, seseorang berkata, “Anda tetap ingin mengerjakan sembahyang, wahai Amirul Mukminin?”. “Ya, dan sungguh tidak ada tempat dalam Islam bagi yang mensia-siakan sembahyang”, jawabnya. Lalu beliau pun mengerjakan sembahyang walaupun dari lukanya mengalir [13] darah yang cukup banyak. [14]

Abdullah bin Syaqq, seorang tabi’in, berkata, “Tidak ada satu amalan pun yang kalau ditinggalkan dianggap kufur oleh para Sahabat kecuali sembahyang”. [15]

Ali bin Abi Thalib pernah ditanya tentang seorang wanita yang tidak sembahyang, lalu dia menjawab, “Barangsiapa yang tidak bersembahyang maka kafirlah dia”. [16]

Ibnu Ma’sud berkata, “Barangsiapa yang tidak sembahyang maka dia tidak mempunyai agama”. [17]

Ibnu 'Abbas berkata, "Barangsiapa meninggalkan sembahyang dengan sengaja sekali sahaja nescaya akan mengadap Allah dalam keadaan Allah murka kepadanya". [18]

Rasulullah s.a.w bersabda, "Barangsiapa berjumpa dengan Allah dalam keadaan mensia-siakan sembahyang, Dia tidak akan mempedulikan suatu kebaikan pun darinya". [19]

Ibnu Hazm berkata, "Tidak ada dosa yang lebih besar sesudah syirik selain melewatkan sembahyang sehingga keluar dari waktunya dan membunuh seorang mukmin bukan dengan haknya".

Ibrahim an-Nakha'ie berkata, "Barangsiapa meninggalkan sembahyang maka telah kafir". Perkataan serupa juga diucapkan oleh Ayyub as-Sikhtiyani.

'Aun bin Abdullah berkata, "Apabila seorang hamba dimasukkan ke dalam kuburnya, soalan pertama yang akan ditanya ialah tentang sembahyang. Jika sembahyangnya baik barulah amalan-amalan yang lain dilihat. Sebaliknya jika sembahyangnya tidak baik, tidak ada satu amalan pun yang dilihat (dianggap tidak baik semuanya)".

Baginda s.a.w bersabda, "Apabila seorang hamba mengerjakan sembahyang di awal waktu, sembahyang itu bercahaya naik ke langit sehingga sampai ke 'arsy, lalu memohonkan keampunan bagi orang yang telah mengerjakannya, begitu seterusnya sampai hari kiamat. Sembahyang itu berkata, "Semoga Allah menjagamu sebagaimana kamu telah menjagaku. Dan apabila seorang hamba mengerjakan sembahyang bukan pada waktunya, sembahyang itu gelap akan naik ke langit. Sesampainya di sana ia akan dilipat seperti dilipatnya kain usang lalu dipukulkan wajah orang telah mengerjakannya. Sembahyang itu berkata, "Semoga Allah mensia-siakanmu sebagaimana kamu telah mensia-siakanku". [20]

Rasulullah s.a.w bersabda:

"Ada tiga orang yang sembahyangnya tidak diterima oleh Allah: Seseorang yang memimpin suatu kaum sedangkan kaum itu membencinya, seseorang yang mengerjakan sembahyang ketika telah habis waktunya, dan seseorang yang memperhambakan orang yang merdeka". [21]

Marilah kita memohon taufiq dan i'nanah kepada Allah, sesungguhnya Dia Maha Pemurah dan Maha Pengasih di antara mereka yang mengasihi.

Mengajarkan Sembahyang Kepada Anak-Anak

Rasulullah bersabda:

"Perintahkanlah kepada anak-anakmu untuk sembahyang jika mereka telah mencapai umur tujuh tahun. Dan jika telah berumur sepuluh tahun pukullah dia jika meninggalkannya". [22]

Dalam riwayat yang lain:

"Perintahkanlah anak-anak kamu untuk bersembahyang ketika mereka berumur tujuh tahun. Pukullah mereka jika meninggalkannya ketika mereka berumur sepuluh tahun, dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka". [23]

Imam Abu Sulaiman al-Khatthabiy berkata, "Hadith ini menunjukkan betapa beratnya hukuman bagi orang yang meninggalkan sembahyang jika telah mencapai akil baligh".

Sebahagian sahabat Imam Syafi'i berhujjah dengan hadith ini dalam mensabitkan dengan kewajiban membunuh orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja setelah baligh. Mereka berkata, "Jika dia boleh dipukul sedangkan dia belum baligh, maka ini menunjukkan bahawa setelah baligh nanti dia mesti dikenakan hukuman yang lebih berat dari itu. Tidak ada hukuman yang lebih berat setelah pukulan selain dibunuh".

Hukum Meninggalkan Sembahyang

Para ulama' berbeza pendapat berkenaan dengan hukum orang yang meninggalkan sembahyang. Imam Malik, Syafi'i dan Ahmad berpendapat hukum orang yang meninggalkan sembahyang adalah dipancung dengan pedang. Seterusnya mereka berbeza pendapat tentang adakah dia kafir jika dia meninggalkannya tanpa uzur sehingga habis waktunya. Ibrahim an-Nakha'ie, Ayyub as-Sikhtiyani, Abdullah bin Mubarak, Ahmad Bin Hanbal, dan Ishaq bin Rahuyah menyatakan bahawa dia kafir. Mereka berhujjah dengan sabda Nabi, "Ikatan (pembeza) antara kita dengan mereka adalah sembahyang. Barangsiapa meninggalkannya, maka telah kafirlah ia". [24] Juga sabda Baginda, "Sempadan di antara seseorang dengan kekafiran adalah meninggalkan sembahyang". [25]

Tentang Ancaman Bagi Orang Yang Mengabaikan Toma'ninah

Allah berfirman, bermaksud:

"Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang sembahyang, (iaitu) orang-orang yang lalai dari menyempurnakan sembahyangnya". (Surah Al-Ma'un, Ayat 4-5)

Diriwayatkan, tafsir dari ayat di atas adalah orang yang mengerjakan sembahyang secara cepat kilat, tanpa menyempurnakan ruku' dan sujudnya.

Abu Hurairah meriwayatkan, ada seseorang masuk ke dalam masjid semasa Rasulullah s.a.w sedang duduk di sana. Orang itu mengerjakan sembahyang lalu menghampiri Nabi dan mengucapkan salam kepada Baginda. Nabi s.a.w. menjawab salam lalu berkata, "Sembahyang semula. Sesungguhnya kamu belum mengerjakannya". Maka orang itu pun kembali menunaikan sembahyang seperti yang telah dikerjakannya. Kemudian dia kembali dan mengucapkan salam kepada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w menjawabnya lalu berkata, "Sembahyang semula. Sesungguhnya kamu belum mengerjakannya". Orang itu pun kembali mengerjakannya seperti tadi. Kemudian dia kembali dan mengucapkan salam kepada Nabi s.a.w. Baginda menjawabnya dan berkata "Sembahyang semula. Sesungguhnya kamu belum mengerjakannya". Orang itu pun kembali mengerjakannya seperti tadi. Kemudian dia kembali dan mengucapkan salam kepada Nabi s.a.w. Beliau menjawabnya dan berkata, "Demi (Allah) yang mengutusmu dengan kebenaran wahai Rasulullah, aku tidak dapat mengerjakan sembahyang yang lebih baik dari yang sudah aku kerjakan tadi, oleh itu ajarilah aku".

Lalu Rasulullah s.a.w bersabda:

"Jika kamu berdiri untuk mengerjakan sembahyang, bertakbirlah. Lalu bacalah beberapa ayat al-Quran sebolehm. Lalu ruku'lah dengan tertib. Lalu angkatlah sampai kamu benar-benar berdiri tegak (i'tidal). Lalu sujudlah dengan tertib. Lalu duduklah dengan tertib. Lalu sujudlah dengan tertib. Demikian ini kerjakanlah dalam setiap (rakaat) sembahyangmu". [26]

Al-Badri r.a meriwayatkan Rasulullah s.a.w bersabda:

"Tidak akan diberi pahala sembahyang seseorang yang tulang belakangnya tidak diluruskan ketika ruku' ". (Hadith riwayat Imam Ahmad).

Hadith di atas diriwayatkan pula oleh Abu Daud dan at-Tirmizi. At-Tirmizi berkata, "Hadith hasan sahih". Dalam riwayat yang lain, "Sehingga dia meluruskan punggungnya ketika ruku' dan sujud". [27]

Inilah nas dari Nabi s.a.w. Barangsiapa yang tidak meluruskan punggungnya setelah ruku' dan sujud seperti sebelumnya, maka sembahyangnya batal (untuk sembahyang fardhu). Adapun toma'ninah adalah ketika setiap tulang mengambil tempat masing-masing.

Diriwayatkan pula bahawa Baginda bersabda:

"Manusia yang paling buruk perbuatan mencurinya adalah orang yang mencuri dalam sembahyangnya". Seseorang bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimanakah seseorang itu mencuri dalam sembahyangnya?". "Iaitu tidak menyempurnakan ruku' dan sujudnya", jawab Nabi. [28]

Abu Hurairah menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

"Allah tidak akan melihat kepada seseorang yang tidak menegakkan tulang belakangnya di antara ruku' dan sujudnya". [29]

Rasulullah s.a.w bersabda:

"Inilah sembahyang seorang munafik. Duduk menunggu matahari sampai ketika ia berada di antara dua tanduk syaitan (hampir tenggelam); orang itu pun berdiri lalu sembahyang secepat kilat sebanyak empat rakaat. Dia tidak berzikir kepada Allah kecuali sedikit". [30]

Abu Musa meriwayatkan suatu hari Rasulullah s.a.w mengerjakan sembahyang bersama para Sahabat lalu Baginda duduk. Seseorang datang, berdiri mengerjakan sembahyang. Dia ruku' dan sujud seperti mematuk (kerana cepat). Maka Rasulullah s.a.w bersabda, "Lihatlah itu! Sekiranya dia mati, sesungguhnya dia mati bukan di atas millah Muhammad s.a.w. Dia mematuk sembahyangnya seperti seekor gagak meminum darah". [31]

Umar bin Khattab r.a. meriwayatkan, Rasulullah s.a.w bersabda, "Setiap orang yang sembahyang pasti di sebelah kanan dan kirinya ada malaikat. Jika dia mengerjakannya dengan sempurna, kedua malaikat itu akan membawa sembahyangnya ke hadirat Allah s.a.w. Sebaliknya jika tidak sempurna keduanya akan memukulkan sembahyangnya ke wajahnya". [32]

Ubadah bin Shamit berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, "Barangsiapa berwudhu' dengan sebaik-baiknya, kemudian berdiri mengerjakan sembahyang, menyempurnakan ruku'nya, serta bacaannya, nescaya sembahyangnya berkata, "Semoga Allah menjagamu sebagaimana kamu telah menjagaku". Lalu sembahyang itu – ianya bersinar dan bercahaya – akan diangkat ke langit. Pintu-pintu langit pun dibukakan sehingga ia akan sampai ke hadirat-Nya. Ia akan memohon syafaat bagi orang yang telah mengerjakannya. Tetapi jika orang itu tidak menyempurnakan ruku', sujud dan bacaannya, niscaya sembahyangnya akan berkata, "Semoga Allah mensia-siakanmu sebagaimana kamu telah mensia-siakanmu. Kemudian sembahyang itu – ia diliputi kegelapan – diangkat ke langit. Tetapi pintu-pintu langit tertutup. Maka ia pun dilipat seperti dilipatnya kain usang, lalu dipukulkan ke wajah orang yang telah mengerjakannya". [33]

"Muthaffif" adalah orang yang mengurangi takaran, timbangan, atau ukuran atau solat. Mereka diancam oleh Allah dengan "Wail", satu lembah di Jahannam yang kerana panasnya sehingga neraka Jahannam pun minta perlindungan kepada Allah. Semoga Allah melindungi kita darinya.

Dari Ibnu Abbas r.a bahawasanya Nabi s.a.w bersabda, "Apabila salah seorang di antara kamu bersujud, hendaklah meletakkan wajahnya, hidungnya dan tangannya di atas tanah. Kerana Allah Ta'ala memerintahkan supaya bersujud dengan tujuh anggota badan: kening, hidung, dua tapak tangan, dua lutut, dan dua hujung tapak kaki dan supaya tidak menahan rambut atau pakaian. Barangsiapa sembahyang dengan tidak memberikan kepada setiap bahagian tubuh tersebut haknya maka bahagian tubuh itu akan melaknatnya sampai dia selesai dari sembahyangnya". [34]

Suatu ketika Huzaifah bin Yaman melihat seseorang mengerjakan sembahyang, namun tidak menyempurnakan ruku' dan sujudnya, Huzaifah pun menegurinya. "Kamu belum sembahyang. Andaikan kamu mati sedangkan sembahyangmu seperti itu, sungguh kamu mati di atas selain fitrah Muhammad s.a.w". [35]

Dalam riwayat Abu Daud, Huzaifah bertanya, "Sejak bila kamu mengerjakan sembahyang seperti yang kulihat tadi?". "Sejak empat puluh tahun yang lalu", jawab orang itu, lalu Hudzaifah berkata, "Selama empat puluh tahun ini kamu tidak sembahyang sama sekali, Dan jika kamu mati, kamu mati di atas selain fitrah Muhammad s.a.w". [36]

Hasan al-Bashri berkata, "Wahai anak Adam apalagi yang kamu banggakan dari agamamu jika sembahyangmu sudah kamu remehkan? Padahal, tentang sembahyang itulah pertanyaan pertama yang diajukan kepadamu pada hari kiamat nanti. Nabi bersabda, "Amal yang pertama kali dihisab pada hari kiamat dari seorang hamba adalah sembahyangnya. Jika sembahyangnya baik maka telah berjaya dan beruntunglah dia, sebaliknya jika ianya kurang sempurna, sungguh telah gagal dan rugilah ia".

Dan bilamana amalan fardhu itu kurang sempurna, Allah berfirman, "Lihatlah, apakah hambaku memiliki amalan sunat untuk melengkapinya?". Demikian sampai habis seluruh amalnya". [37]

Maka, seorang hamba itu mestinya membanyakkan amalan sunat untuk menyempurnakan amalan yang wajib. Dari Allah taufiq itu datang.

Hukum Meninggalkan Sembahyang Jamaah Bagi Yang Tidak Berhalangan

Allah berfirman, bermaksud:

"(Ingatkanlah orang-orang yang tidak beriman) akan masa didedahkan kedahsyatan huru-hara (hari kiamat), dan mereka diseru supaya sujud maka mereka tidak dapat melakukannya. Sambil pandangan mereka tunduk malu, serta mereka diliputi kehinaan; dan sesungguhnya mereka (di dunia) dahulu telahpun diseru supaya sujud (tetapi mereka enggan) sedang mereka dalam keadaan sihat sejahtera". (Surah Al-Qalam, Ayat 42-43)

Ini kejadian pada hari kiamat. Mereka diliputi penyesalan. Dulu di dunia mereka telah diseru untuk bersujud.

Ibrahim At-Taimi berkata, "Maksud dari ayat di atas adalah diseru kepada sembahyang fardhu dengan azan dan iqamah".

Sa'id bin Musayyab berkata, "Mereka mendengar panggilan, 'Mari mengerjakan sembahyang! Mari menuju kemenangan!' Namun mereka tidak menjawab panggilan itu, padahal mereka dalam keadaan sihat sejahtera".

Ka'ab al-Ahbar berkata, "Demi Allah, ayat ini tidak turun kecuali berkenaan dengan orang-orang yang meninggalkan sembahyang berjamaah. Ancaman apakah yang lebih dahsyat bagi orang yang meninggalkan sembahyang jamaah padahal dia mampu mengerjakannya selain ayat ini?".

Adapun dari hadith, al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Sesungguhnya aku hampir-hampir memerintahkan untuk sembahyang, diiqamati, lalu aku perintahkan seseorang untuk mengimami orang ramai. Sedangkan aku dan beberapa orang lagi pergi sambil membawa selonggok kayu untuk membakar rumah orang-orang yang tidak menghadiri sembahyang jamaah". [38] Sudah tentu mereka tidak diancam untuk dibakar rumahnya sedangkan di dalamnya ada anak-anak dan harta benda kecuali kerana mereka meninggalkan perkara yang wajib.

Dalam Kitab Sahih Muslim disebutkan, seorang yang buta menemui Nabi berkata, "Wahai Rasulullah, aku tidak ada orang yang menuntunku ke masjid". Lalu dia meminta keringanan untuk mengerjakan sembahyang di rumahnya. Rasulullah pun mengizinkan. Tetapi ketika orang itu mula berundur, Baginda s.a.w memanggilnya, "Apakah kamu mendengar seruan untuk sembahyang (azan)?" Laki-laki itu menjawab, "Ya", "Jika demikian jawablah seruan itu!", sabda Rasulullah. [39] Hadith ini diriwayatkan juga oleh Abu Daud dari 'Amru bin Ummi Maktum, bahawa dia menemui Nabi lalu berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Madinah ini banyak binatang berbisa dan binatang buas. Aku tidak dapat melihat dan rumahku jauh. Aku ada seorang penuntun jalan tapi aku tidak sesuai dengannya. Apakah ada keringanan bagiku untuk mengerjakan sembahyang di rumah?". "Apakah kamu mendengar azan?", tanya Rasulullah. "Ya", jawab orang itu. Lalu Rasulullah s.a.w bersabda, "Jika demikian jawablah seruan itu. Aku tidak mendapatkan keringanan bagimu". [40]

Seorang lelaki buta telah mengadukan kesulitan-kesulitan yang dia hadapi ketika berjalan menuju masjid. Bahkan ia tidak ada orang yang menuntunnya. Meskipun begitu, Nabi tetap tidak memberi keringanan baginya untuk mengerjakan sembahyang di rumah. Lalu, bagaimana dengan orang-orang yang sempurna penglihatannya? Kerana itulah ketika Ibnu Abbas ditanya tentang seseorang yang selalu berpuasa di siang hari, selalu bangun untuk sembahyang malam, tetapi tidak mengerjakan sembahyang jamaah, beliau menjawab, "Jika dia mati dalam keadaan seperti itu, ia akan masuk neraka". [41]

Abu Hurairah berkata, "Penuhnya telinga anak Adam oleh timah yang meleleh lebih baik dari pada mendengar azan tapi tidak mendatangnya". [42]

Ibnu Abbas meriwayatkan, Rasulullah s.a.w bersabda, "Barangsiapa mendengar muazin padahal tidak ada keuzuran untuk mendatanginya...". Seseorang menyampuk, "Apakah keuzuran itu wahai Rasulullah?". Baginda bersabda, "Iaitu takut atau sakit. Sembahyang yang dia kerjakan itu tidak akan diterima". [43] Maksudnya sembahyang yang dikerjakan di rumah.

Hakim meriwayatkan dari Ibnu Abbas bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Tiga orang yang dilaknat oleh Allah; orang yang memimpin satu kaum sedangkan kaum itu membencinya, wanita yang tidur sedangkan suaminya marah kepadanya dan laki-laki yang mendengar seruan, "Mari menuju sembahyang, mari menuju kemenangan!", namun tidak mendatanginya". [44]

Ali bin Abi Thalib berkata, "Tidak ada sembahyang bagi jiran masjid kecuali di masjid". Seseorang bertanya, "Siapakah jiran masjid itu?". "Jiran masjid ialah orang-orang yang mendengar azan". [45]

Imam al-Bukhari meriwayatkan dalam "Sahih"nya dari Abdullah bin Mas'ud, dia berkata, "Barangsiapa suka untuk berjumpa dengan Allah di hari kiamat sebagai seorang muslim hendaklah dia menjaga sembahyang lima waktu setiap kali terdengar panggilan untuk mengerjakannya. Sesungguhnya Allah mensyariatkan sunnah petunjuk (sunnatul huda) bagi Nabi kamu. Dan sembahyang berjemaah itu termasuk salah satu darinya. Andai kata anda mengerjakan sembahyang di rumah bererti anda telah meninggalkan sunnah Nabi anda. Jika anda meninggalkan sunnahnya nescaya anda tersesat. Anda semua telah melihat, tidak seorangpun di antara kita meninggalkan sembahyang berjemaah kecuali dia adalah seorang munafik yang jelas kemunafikannya atau seorang yang sakit. Sesungguhnya, ada seorang yang dipapah oleh dua orang, diberdirikan di saf atau dihantar sampai ke masjid untuk dapat mengerjakan solat berjemaah". [46]

Rabi' bin Khaitam adalah seorang lelaki yang telah lumpuh. Walaupun begitu dia masih keluar untuk mengerjakan sembahyang berjemaah dengan dipapah oleh dua orang. Seseorang berkata, "Wahai Abu Muhammad, anda termasuk yang mendapatkan rukhsah (keringanan) untuk mengerjakan sembahyang di rumah. Anda uzur". "Benar apa yang kamu katakan", jawab Rabi. "Tetapi aku mendengar muazzin menyeru, 'Mari menuju solat. Mari menuju kemenangan'. Barangsiapa mampu menjawab seruan itu hendaklah memenuhinya, walau terpaksa merangkak". [47]

Hatim al-Asham berkata. "Sekali saja aku tidak mengerjakan solat berjemaah. Abu Ishaq al-Bukhari menziarahiku, berta'ziah. Hanya dia seorang yang menziarahiku. Padahal sekiranya salah seorang anakku meninggal, pastilah lebih dari sepuluh ribu orang berta'ziah ke rumahku. Begitulah, bagi kebanyakan orang musibah dalam agama adalah lebih ringan dari pada musibah dunia".

Sebahagian salaf berkata, "Tidaklah seseorang itu kehilangan kesempatan untuk bersembahyang berjemaah melainkan kerana dosa yang telah dilakukannya."

Ibnu Umar menceritakan, "Suatu hari Umar pergi ke kebun kurma. Bila dia pulang didapati orang ramai sudah mengerjakan solat Asar (berjemaah). Umar pun berkata, "Innaa lillahi wa innaa ilaihi raaji'un. Aku ketinggalan solat berjemaah. Saksikanlah bahawa kebun kurmaku aku jadikan sedekah bagi orang-orang miskin, semoga menjadi kaffarah atas apa yang dilakukan Umar".

Penekanan Untuk Mengerjakan Sembahyang 'Isyak dan Subuh Secara Berjemaah Lebih Berbanding Sembahyang Fardhu Yang Lain.

Rasullullah bersabda, bermaksud,

"Sesungguhnya sembahyang yang paling berat oleh orang-orang munafik ialah solat 'Isyak dan solat Fajar (Subuh). Seandainya mereka tahu pahala yang ada pada keduanya nescaya mereka akan mendatangi keduanya walau dengan merangkak". [46]

Ibnu Umar berkata, "Jika ada seseorang di antara kami yang meninggalkan solat 'Isyak dan Subuh berjemaah, kami berburuk sangka kepadanya bahawa dia telah menjadi seorang munafik". [49]

Hikayat

Ubaidullah bin Umar al-Qawariry bercerita: Aku belum pernah ketinggalan solat 'Isya' secara berjemaah walaupun sekali. Suatu malam aku kedatangan tamu. Kerananya aku menyibukkan diri dan ketinggalan sembahyang 'Isyak berjemaah. Aku pun mencuba untuk mencari, mungkin masih ada jemaah 'Isya' di seluruh masjid kota Bashrah. Namun aku dapati semua orang sudah selesai mengerjakannya dan pintu masjid pun telah dikunci. Aku pulang dan merungut. "Terdapat suatu hadith yang menyebutkan bahawa sembahyang berjemaah itu lebih utama 27 darjat berbanding sembahyang sendirian. Maka aku pun mengerjakan sembahyang 'Isya' 27 kali. Aku tidur dan bermimpi, seakan-akan aku bersama suatu kaum yang semuanya menunggang kuda perang. Aku juga menunggang kuda. Kami berlumba. Aku menunggang kuda sekencang-kencangnya, tetapi tetap tidak boleh mengejar mereka. Aku memerhatikan salah seorang dari mereka. Dia berkata, "Jangan kamu paksa kudamu, sekali-kali kamu tidak akan dapat mengalahkan kami", "Mengapa begitu?", tanyaku. Orang itu menjawab, "Kerana kami menunaikan sembahyang 'Isya' berjemaah sedangkan kamu mengerjakannya sendirian". Lalu aku terbangun dan berasa sedih dan sesal yang tiada taranya.

Marilah kita memohon ma'unah (pertolongan) dan taufiq kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

NOTA KAKI

1. Hadith diriwayatkan oleh Ibnu Jarir (16/75) dan As-Suyuti dalam "Ad-Durr Al-Mantsur" (4/498) menambahkan penisbatan perkataan ini kepada Abd Bin Humaid
2. Hadith dhaif. Diriwayatkan oleh Al-Uqaili (3/377), Ibnu Abi Hatim dalam "Al-I'la" (1/187) dan Al-Baihaqi (2/214) dari jalur ikrimah bin Ibrahim. Dia lemah. Semua Ulama' bersepakat bahawa ianya mauquf dan ini yang lebih benar.
3. Hadith sahih: Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dalam "Asy-Syu'ab" (3016) dari Abu Hurairah, dan ia lemah, Dan diriwayatkan oleh Ath-Thayalisi, Adh-Dhiya dan beberapa orang lagi. Syaikh Al-Albani mensahihkannya dalam "Ash-Shahihah" (1358), dengan berbagai jalur periwayatan dan hadith-hadith penguatnya dengan lafaz, "Maka apabila solatnya baik, baik seluruh amalnya dan apabila rosak solatnya, rosak seluruh amalnya.[Lihat dalam Sahih "Al-Jami' " (2573)]
4. Hadith hasan (baik). Diriwayatkan oleh Ahmad (5/348), At-Tirmidzi (2621), An-Nasa'ie (1/231), Ibnu Majah (1079), Ibnu Hibban (1/352), Al-Hakim (1,6-7) Al-Baihaqi dal Asy-Syuaib (2538) dan As-Sunan (3/366), dari Buraidah Dan Syaikh Al-Albani menyatakan hasan dalam "Shahih Al-Jami' " (4022).
5. Diriwayatkan oleh Ahmad (3/370), Muslim (82), At-Tirmizi (2618), Ibnu Hibban (1451), Al-Baihaqi dalam As-Sunan (3/366) dan Asy-Syuaib (2536) dari Jabir.
6. Hadith sahih. Diriwayatkan oleh Ahmad (5/349), Al-Bukhari (553), An-Nasai'ie (1/236), Ibnu Majah (694), Ibnu Hibban (1461), Al-Baihaqi dalam "Asy-Syuaib" (2588) dari Buraidah. Dan diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah dengan lafaz, "Seakan-akan keluarganya telah hilang terampas"
7. Hadith hasan. Diriwayatkan oleh Ahmad (5/238), Ath-Thabrani dalam "Al-Kabir" (20/117/233,234) dan ada beberapa hadith penguatnya yang menyebabkan Syaikh Al-Albani menyatakannya sebagai hasan dalam "Sahih at-Targhib" (568).
8. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (25) dan Muslim (22) dari Ibnu Umar.
9. Isnadnya sahih. Diriwayatkan oleh Ahmad (2/169), Abd bin Humaid (353), Ad-Darimi (697,698) Ibnu Hibban (1467), At-Thahawi dalam "Musykil" ("Musykil Al-Atsar"- ed) (4/229), Ath-Thabrani dalam "al-Ausath" (1788), dan Al-Baihaqi. Dalam "Asy-Syu'ab" (2565) dan isnadnya sahih.

10. Diriwayatkan oleh Ahmad dalam "Masail", dengan periwayatan anaknya Abdullah (55), Ibnu Saad (3/350), Muhammad bin Nashr dalam "Ash-Shalan" (925), Ibnu Abi Syaibah dalam "Al-Iimam" (103), dan Ad-Daruqthni (2/52), Syaikh Al-Albani berkata, "Isnadnya sahih menurut syarat keduanya (Al-Bukhari dan Muslim)"

11. Telah disebutkan takhrijnya

12. Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dalam Asy-Syuaib (2550), Al-Baihaqi mendhaifkannya. Juga Syaikh Al-Albani dalam "Dhaif Al-Jami'" (170)

13. "Yats'abu" iaitu mengalirnya darah

14. Telah disebutkan takhrijnya

15. Diriwayatkan oleh Ibnu Abu-Syaibah dalam "Al-Iiman" (137), At-Tirmidzi (2622), Muhammad bin Nashr dalam "Ta'zhim Qadr Ash-Shalah" (948). Syaikh Al-Albani mensahihkannya dalam "Shahih At-Targhib" (564).

16. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi-Syaibah secara marfu' (periwayatan sampai kepada Rasulullah) dengan lafaz "faqad kafara" (sungguh dia telah kafir). Lihat dalam Shahih At-Targhib' (230).

17. Diriwayatkan oleh Muhammad bin Nashr dalam "Ta'zhim Qadr Ash-Shalah", Ibnu Abu Syaibah dalam Al-Iman (2/184) Ath-Thabrani dalam "Al-Kabir" (3/19/1). Syaikh Al-Albani berkata, "Isnadnya hasan".

18. Diriwayatkan oleh Muhammad bin Nashr secara mauquf (periwayatan sampai pada Sahabat saja) dengan lafaz. "faqad kafara" (sungguh dia telah kafir)".

19. Al-Iraqi menisbatkannya pada Ath-Thabrani dalam "Al-Ausath" dari Anas , namun aku belum mendapatkan lafaz ini di sana.

20. Diriwayatkan oleh Al-Bazzar (350) Al-Baihaqi dalam "Asy-Syu'ab" (2871), Al-Khatib dalam "Tarikh". Hadith ini dhaif. Lihat "Dha'if Al-Jami'" (119)

21. Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah (970). Hadith ini dhaif dengan teks lengkapnya. Lihat "Dhaif Al-Jami'" .

22. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (1/137/1), Abu Daud (494), Al-Tirmidzi (407), Ad-Darimi (1431), Ath-Thahawi dalam "Al-Musykil" (3/231), Ibnu Al-Jarud (147), Ad-Daruqthni (1/230/1), Al-Hakim (1/201). Hadith ini hasan menurut Syaikh Al-Albani dalam "Ihya 'Al-Ghafi" (1/267).

23. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (1/137/2), Abu Daud (495, 496), Ad-Daruqthni (1/230/2), Al-Hakim (1/197), Al-Baihaqi (7/64), Ahmad (2/187) dari Ibnu Amru. Hadith ini hasan menurut Syaikh Al-Albani dalam "Al-Irwa" (247).

24. Telah disebutkan takhrij-nya

25. Telah disebutkan takhrij-nya

26 Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (757, 6252), Muslim (397), Abu Daud (856), At-Tirmidzi (303), An-Nasa'ie (2/124), Ibnu Majah (1060) dan Ahmad (3/437) dari Abu Hurairah.

27. Hadith sahih. Diriwayatkan oleh Ahmad (4/119), Abu Daud (855), Ath-Thayalisi (h.85), An-Nasa'i (2/183), Ibnu Majah (870), Ad-Darimi (304), Ibnu Khuzaimah (592), Al-Baihaqi (2/117), dalam "Asy-Syu'ab" (2861), dan disebutkan dalam "Shahih Al-Jami'" (7224, 7225).

28. Hadith Sahih. Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban (1888), Al-Hakim (1/229), Al-Baihaqi dalam "Asy-Syu'ab" (2847) dan "As-Sunan" (2/386) dari Abu Hurairah. Dan ada penyokong dari hadith Abu Qatadah yang diriwayatkan oleh Ad-Darimi (305), Ahmad (5/310), Al-Hakim (1/299) dan Al-Baihaqi (2/385). Juga, dari Abdullah bin Mughaffal, yang diriwayatkan oleh Ath-Thabrani dalam ketiga kitab "Mu'jam"nya. Syaikh Al-Albani mensahihkannya dalam "Shahih Al-Jami'" (966-986).

29. Hadith diriwayatkan oleh Ahmad (2/525) dan sanadnya sahih.
30. Hadith diriwayatkan oleh Malik (1/220), (Muslim (622), Abu Daud (413), At-Tirmidzi (160) An-Nasa'i (1/254) Ad-Daruqutni (1/254), Al-Baihaqi (1/443) dan Ahmad (3/102, 103) dari Anas.
31. Hadith hasan. Diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah (6556) dan Al-Baihaqi (2/89), Syaikh Al-Albani menghasankannya dalam ta'liq beliau atas Ibnu Khuzaimah dan dalam "Shahih At-Targhib" (529).
32. Hadith dhaif. Diriwayatkan oleh Ad-Daruqutni dalam Al-Ifrad. Syaikh Al-Albani mendhaifkannya dalam "Dhaif Al-Jami'" (5226)
33. Hadith dhaif. Diriwayatkan oleh Ath-Thayalisi (h.80), Al-Bazzar (1/177, no. 350), Al-Baihaqi dalam "Asy-Syu'ab" (2871), Syaikh Al-Albani mendhaifkan dalam "Dhaif Al-Jami'" (400).
34. Saya belum mendapatkannya sejauh pencarian yang saya lakukan hanya saja Asy-Syaukani dalam An-Nail (Nail Al-Authar) (2/259) menisbatkannya pada Ismail bin Abdullah yang dikenal dengan nama Samawaih dalam Fawaidnya dari jalur Ikrimah dan Ibnu Abbas.
35. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (791,808), Abdurrazzaq (3732, 3733), An-Nasa'i (3/58), Ibnu Hibban (1894), Al-Baihaqi (2/118) dalam "Asy-Syu'ab" (2860), Ahmad (5/384) dan Al-Baghawi (616)
36. Riwayat hadith ini bukan dalam Abu Daud melainkan ada pada Ibnu Hibban (1894), Al-Baihaqi dalam "Asy-Syu'ab" (2860) dan As-Sunan (2/117)
37. Hadith diriwayatkan oleh Ahmad (2/290), Abu Daud (865), At-Tirmidzi (413), An-Nasa'i (1/232), Ibnu Majah (1425) dan Ath-Thahawi dalam "Al-Musykil" (3/228); dari Abu Hurairah. Syaikh Al-Albani mensahihkannya dalam "Shahih Al-Jami'" (2568)
38. Hadith sahih. Diriwayatkan oleh Malik (1/129-130), Al-Bukhari (644, 2420), Muslim (651), Abu Daud (549), At-Tirmidzi (217) dan An-Nasa'i (2/107) dari Abu Hurairah.
39. Hadith sahih. Diriwayatkan oleh Muslim (653), Abu Awanah (2/6), An-Nasa'i (2/109), dan Al-Baihaqi (3/57),
40. Hadith Sahih. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (1/345,346), Abu Daud (553), An-Nasa'i (2/110), Ibnu Khuzaimah (1478), dan Al-Hakim (1/246) dengan mensahihkannya. Penilaian ini disepakati oleh Az-Zahabi. Syaikh Al-Albani juga mensahihkannya.
41. Isnadnya dha'if. Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi (218), dari Hannad, telah menceritakan kepada kami Al-Muharibi dari Laits dari Mujahid dari Ibnu Abbas, Ahmad Syakir berkata, "Isnad ini sahih meskipun secara zahirnya adalah mauquf dari Ibnu Abbas, tapi ditinjau dari status hukumnya adalah marfu' (marfu' hukman), kerana (perkataan) seperti ini tidak mungkin dia ketahui dengan ra'yi (fikirannya). Saya katakan "Isnadnya dha'if, kerana Laits bin Abi Sulaim, dia adalah lemah."
42. Isnadnya dha'if. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (1/380/4), dari Jalur Waki', Dari Abdurrahman majhul (tidak diketahui peribadinya). Wallahua'lam.
43. Hadith sahih. Diriwayatkan oleh Abu Daud (551), Ibnu Majah (793), Ad-Daruqutni (1/420). Ibnu Hibban (2064), Al-Hakim (1/245), Ath-Thabrani (12265), dan Al-Baihaqi (3/57), Syaikh Al-Albani mensahihkannya tanpa lafazh, "Wa am al-Udzru?" (Apa yang dimaksudkan uzur itu?)
44. Tidak sahih. Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi (358), dari Muhammad bin Al-Qasim Al-Asadi, dari Al-Fadhl bin Dalham. Dari Al-Hasan, dari Anas, bukan Ibnu Abbas. At-Tirmidzi berkata, "Tidak Sahih kerana hadith ini diriwayatkan dari Al-Hasan, dari Nabi s.a.w secara mursal. Sedang Muhammad bin Al-Qasim didha'ifkan oleh Ahmad, dan menyatakan bahawa dia bukan seorang yang hafizh.
45. Isnadnya sahih di riwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (1/380/8).
46. Hadith sahih. Diriwayatkan oleh Muslim (654) dan An-Nasa'i tidak sebagaimana yang dikatakan penulis bahawa hadith ini diriwayatkan oleh Al-Bukhari

47. *Diriwayatkan oleh Ibnu Sa'ad (6/189-190) dan Abu Nu'aim (2/113)*

48. *Hadith sahih. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (1/332), Ahmad (2/424), Al-Bukhari dan Muslim (651), Abu Daud (548), Ibnu Majah (791) dan Ibnu Hibban (2098) dan Abu Hurairah*

49. *Isnadnya sahih. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (1/332), Al-Hakim (1/211), Ibnu Khuzimah (1485), Ibnu Hibban (2099), dan Al-Baihaqi (3/59).*

· *Nota: Saringan oleh [Kumpulan Web Darulkautsar \(https://darulkautsar.wordpress.com/ \)](https://darulkautsar.wordpress.com/) dari buku terjemahan "Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)" karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- <https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>*